

NAMA : _____

KELAS : _____

AYAT SERUAN

Isi tempat kosong dengan kata seru yang sesuai.

Cis	Wah	Amboi	Nah	Oh
Hai	Ah	Syabas	Aduh	Eh

1. _____, berani dia menjejakkan kaki ke sini lagi!
(perasaan marah)
2. _____, cerdik betul budak ini!
(perasaan kagum)
3. _____, berseri-seri wajah awak hari ini!
(perasaan hairan)
4. "_____, ambil hadiah ini sebagai kenang-kenangan!" kata Cikgu Alham.
(mempelawa seseorang menerima sesuatu)
5. _____, tidak kusangka bahawa engkau tergamak memfitnah adikmu sendiri!
(perasaan terkejut)
6. _____, jalan sendirian! Awak hendak pergi ke mana?
(menegur)
7. _____, aku tidak setuju dengan cadangan itu!
(perasaan tidak setuju)
8. _____, kamu berjaya mendapat 6A dalam peperiksaan UPSR yang lalu!
(menyatakan bagus)
9. "_____, sakitnya perutku ini!" rintih Cikgu Azmi sambil menggosok-gosok perutnya.
(perasaan sakit)
10. _____, dahulu dia tinggal di sini!
(perasaan kehairanan)